

## **PENDAHULUAN**

Ini adalah kurikulum bersepadu bagi Mata Pelajaran Tauhid yang telah digariskan bagi sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah menengah kebangsaan, dan sekolah-sekolah menengah agama negeri yang melaksanakan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Asrama. Sukatan ini mengandungi objektif am, objektif khas dan tajuk-tajuk yang telah ditetapkan bagi tahap 1, 2 dan 3.

## **OBJEKTIF AM**

Memberi kefahaman kepada pelajar tentang aqidah yang sebenar berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah dan berpegang teguh dengannya.

## **OBJEKTIF KHAS**

Dengan mempelajari Ilmu Tauhid, pelajar akan dapat:-

1. Mengetahui sebahagian daripada Asas-asas Ilmu Tauhid.
2. Berpegang dengan dalil-dalil naqli dan aqli yang tepat dan jelas.
3. Membezakan di antara pegangan Aqidah yang benar dan salah.
4. Mampu menilai isu-isu semasa yang berkait dengan pegangan aqidah.
5. Berpegang dengan adab dan akhlak islam yang mulia.

## **SUKATAN PELAJARAN**

### **Tahap 1**

1. Pengenalan ilmu Tauhid
2. Iman
3. Islam
4. Ihsan

### **Tahap 2**

1. Nama-nama Allah
2. Sifat Wajib bagi Allah.
3. Sifat Mustahil bagi Allah.
4. Sifat Harus bagi Allah.
5. Nabi dan Rasul
6. Sifat Wajib dan Mustahil bagi Rasul

### **Tahap 3**

1. Pahala dan Dosa
2. Syirik, Nifaq, Kufur dan Riddah
3. Syurga dan Neraka